

Mati kerana lembu

Agensi
New Delhi

■ **Dua remaja Muslim dituduh mahu curi, sembelih haiwan maut dibelasah orang ramai**

Sekumpulan perusuh memukul mati dua remaja beragama Islam kerana dituduh mahu mencuri lembu untuk disembelih, kata polis setempat, dalam kejadian terbaru didakwa membabitkan kumpulan pelampau.

Menurut polis, serangan terbaru itu berlaku Ahad lalu di sebuah kampung di negeri Assam.

Kira-kira 20 orang menyerang dua remaja Muslim terbabit, Abu Hanifa dan Riyazuddin Ali, sebelum membelasah mereka menggunakan kayu selepas menuduh mereka merancang untuk mencuri lem-

bu di tempat kejadian, kedua-duanya dalam keadaan kritikal akibat dipukul teruk," kata ketua polis daerah, Debaraj Upadhyay.

Rakaman disiarkan di televisyen menunjukkan tangan kedua-dua mangsa itu diikat.

Keluarga mangsa sudah memfailkan laporan polis dan siasatan sedang dijalankan.

"Setakat ini dua orang sudah ditangguhkan"

isu lembu sejak sebulan lalu.

Segelintir kumpulan beragama Hindu di India mendesak pengharaman penyembelihan lembu yang dianggap haiwan suci.

Golongan aktivis semakin berani sejak Perdana Menteri Narendra Modi, dari Parti Bharatiya Janata (BHP yang berhaluan kanan) dilantik pada 2014.

Kumpulan hak asasi manusia, Human Rights Watch, melaporkan

India - sejak itu hanya kerana khabar angin mengaitkan mereka dengan penjualan, pembelian atau penyembelihan lembu untuk dagingnya.

Seorang budak lelaki berusia 12 tahun juga pernah menjadi mangsa kejadian seumpama itu.

Keadaan diburukkan dengan kumpulan orang ramai yang menganggap diri mereka pelindung lembu yang turut menjalankan pemeriksaan kenderaan awam, selain membelasah penjual lembu.

Perbuatan berkenaan di-kritik Modi tetapi itu tidak

FAKTA
Pembunuhan ketiga membabitkan isu lembu sejak sebulan lalu